

06/11/1997

Kempen tanam pokok akan berjaya

KUALA LUMPUR, Rabu - Kebanyakan kerajaan negeri yakin kempen menanam pokok yang dilancarkan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, lapan bulan lalu akan berjaya berdasarkan pencapaian kempen itu setakat ini.

Reaksi yang diterima dari setiap kerajaan negeri menunjukkan usaha ke arah menanam seberapa banyak pokok sudah dimulakan, malah ada negeri yang sudah mencapai 93 peratus daripada jumlah sasaran.

Selain itu, ada kerajaan negeri menghadapi masalah lain seperti gagal mendapat kerjasama pemaaju projek perumahan, selain mengakui pelaksanaan kempen itu agak perlahan.

Menteri Besar Terengganu, Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad, berkata kerajaan negeri sudah menanam hampir 100,000, termasuk pokok rhu di sepanjang pantai di negeri itu, sejak kempen berkenaan dilancarkan.

Menurutnya, setiap daerah juga sudah diarah menanam pokok buah-buahan mengikut kesesuaian di sepanjang jalan dalam kawasan masing-masing.

Semalam, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Datuk Dr Ting Chew Peh, berkata pihaknya tidak berpuas hati dengan pembabitan beberapa kerajaan negeri dalam menjayakan kempen itu.

Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Shahidan Kassim, pula berkata kerajaan negeri yakin sasaran untuk menanam tiga juta pokok di seluruh Perlis menjelang tahun 2000 akan tercapai.

Katanya, sejak tiga tahun lalu lebih sejuta pokok, membabitkan sentang, jati dan teja sudah ditanam, termasuk di sepanjang jalan raya utama.

Pengerusi Jawatankuasa Perumahan dan Kerajaan Tempatan Melaka, Datuk Mo'min Abdul Aziz, berkata beberapa pemaaju perumahan di negeri itu dikenal pasti tidak memberi kerjasama dalam kempen berkenaan.

"Kerajaan negeri melalui pihak berkuasa tempatan akan meningkatkan lagi usaha menanam pokok di kawasan pentadbiran masing-masing," katanya.

Menteri Besar Perak, Tan Sri Ramli Ngah Talib, berkata sesetengah pihak berkuasa tempatan (PBT) dengan kerjasama sektor awam dan swasta terlebih menanam pokok menerusi kempen itu.

Menurutnya, berikutan itu pihak terbabit diminta mengimbangi nisbah penanaman pokok di kawasan yang masih kurang ditanam pokok bagi menjayakan kempen itu sepenuhnya.

Menteri Besar Pahang, Tan Sri Mohd Khalil Yaakob, pula berkata setakat ini jumlah pokok yang ditanam menerusi kempen berkenaan melebihi sasaran ditetapkan, tetapi kerajaan negeri tidak menghantar laporan itu kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Menurutnya, selain kempen menanam pokok di bandar, program seumpama itu juga diperluaskan ke kawasan kampung dan luar bandar.

Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Sanusi Junid, berkata kempen menanam pokok di Kedah tidak gagal, tetapi pelaksanaannya agak perlahan kerana orang ramai belum menunjukkan kesungguhan menanam pokok.

"Ia perlahan kerana belum ada momentum. Bila dah ada kelak orang ramai akan mulai gila menanam pokok," katanya.

Timbalan Menteri Besar Kelantan, Abdul Halim Abdul Rahman, berkata Jawatankuasa Lanskap Negeri yang ditubuhkan baru-baru ini akan bersidang secepat mungkin bagi membuat perancangan konkrit berhubung pelaksanaan kempen itu.

Menteri Besar Johor, Datuk Abdul Ghani Othman, yakin kempen menanam pokok boleh mencapai hasrat 300,000 batang dalam tempoh tiga tahun ini

seperti mana yang disarankan Dr Mahathir.

Menurutnya, sehingga September lalu kira-kira 82,000 pokok sudah ditanam di sekitar negeri ini.

Menteri Besar Selangor, Datuk Abu Hassan Omar, pula mengarahkan semua Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri itu menyediakan maklumat terperinci mengenai kegiatan penanaman pokok di kawasan masing-masing bagi membolehkan kerajaan negeri menghantar laporan setiap tiga bulan kepada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

(END)